

Majukan perniagaan Dr M: Cari kawasan di tengah bandar

ALOR SETAR, Sabtu



DR. MAHATHIR

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan berbagai koperasi dan bazar Melayu mencari kawasan yang popular di tengah-tengah bandar sebagai tempat perniagaan untuk Bumiputera.

Walaupun agak sukar mendapatkan tempat seperti itu dengan murah kerajaan akan memberi bantuan yang perlu, katanya.

Hanya dengan menjalankan perniagaan di kawasan-kawasan yang popular ditengah-tengah bandar sahajalah peniaga-peniaga Melayu dapat mencapai kemajuan yang lebih pesat, tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan kompleks perniagaan Pekan Rabu yang berharga \$3.2 juta di sini, hari ini.

Di samping itu, katanya, pekan-pekan sehari hendaklah dinaikkan tarafnya seperti Pekan Rabu itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kompleks perniagaan Pekan Rabu merupakan lambang hasrat orang-orang Melayu untuk meningkat dalam bidang perniagaan.

Sebelum itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin, berkata Mara telah menguntukkan lebih \$36 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-3 untuk melaksanakan projek-projeknya di negeri ini.

Kekuatan

Katanya, Mara telah banyak membantu Kerajaan Negeri menyediakan berbagai kemudahan untuk peniaga-peniaga Bumiputera supaya mereka dapat mencapai taraf ekonomi yang lebih tinggi.

Menteri Besar juga berkata bahawa Kerajaan tidak melupakan nasib peniaga-peniaga kecil.

Beliau menambah, 79 peratus daripada peruntukan bagi projek-projek peniaga kecil tahun lalu telah dibelanjakan dengan jayanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Mara Dr. Abdul Aziz bin Haji Mahmud, dalam ucapannya berkata Mara telah diuntukkan \$82 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-3 untuk mendirikan bangunan-bangunan perniagaan di seluruh negara. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Siri : 1227
Peru : 898/80